

ABSTRAK

Tujuan tesis ini dalah untuk mengenalpasti bahawa filem Melayu *Dewi Murni* (Shakuntala) 1950 arahan B.S. Rajhans, *Selendang Delima* 1958 arahan K.M. Basker, *Gul Bakawali* (Gule Bagawali) 1963 arahan B. Narayanan Rao dipengaruhi dengan elemen kebudayaan India. Dalam mengukuhkan teori ini, pengaruh kebudayaan India, sejarah perfileman negara kita yang berakar umbi daripada Bangsawan diberi keutamaan dalam kajian ini.

Penyelidik telah mengenalpasti persamaan diantara cerita *Dewi Murni* dan cerita *Shakuntala* oleh Kalidasa, *Gul Bakawali* yang berasal dari cerita Parsi telah di alih bahasa ke Hindustani pada tahun 1702 oleh Niphal Chand. Sheikh Mohd. Ali bin Ghulam Hussein Alhandi (seorang India Muslim) yang menetap di Singapore telah mengalih bahasa Gul Bakawali daripada bahasa Urdu / Hindi. Oleh itu cerita *Gul Bakawali* mempunyai banyak nilai – nilai kebudayaan India walaupun ia merupakan sebuah karya Islam. *Selendang Delima*, merukana kisah seorang anak dewa yang telah di sumpah dan terpaksa mengalami pelbagai kesusahan di dunia. Cerita seumpama ini yang bertemakan mistik dan tahyul adalah berasaskan kepercayaan kebudayaan India.

Kajian ini bertujuan untuk membuktikan bahawa filem- filem yang dikaji mempunyai pengaruh kebudayaan India pada cerita, watak , tema serta elemen estetik. Elemen kebudayaan India ini memainkan peranan dalam memastikan kejayaan filem – filem ini. Kajian juga bertujuan untuk membuktikan bahawa pangabung jalinan antara budaya amat ketara dalam filem – filem Malaya dan Singapura pada zaman kegemilangan filem Melayu.